

24 FEB 1998

DR M HARAP JEPUN, NEGARA G-7 LAKUKAN LEBIH BANYAK USAHA BANTU EKONOMI ASIA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berharap Jepun dan negara-negara perindustrian Kumpulan Tujuh (G-7) lain akan melakukan lebih banyak usaha untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia yang menerima kesan teruk akibat krisis matawang.

Bagaimanapun, beliau juga berkata tidak begitu berharap terhadap sebarang kemungkinan tindakan yang akan diambil oleh mereka.

Dr Mahathir diminta memberi pandangannya mengenai sama ada Jepun dan negara G-7 lain sepatutnya memainkan peranan lebih aktif dalam memulihkan semula ekonomi Asia yang terjejas akibat pergolakan matawang serantau.

Terdahulu, beliau merasmikan MasterCentre di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil, berhampiran sini.

Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin dan timbalannya, Lawrence Summers, mengkritik Jepun menjelang mesyuarat menteri-menteri kewangan G-7 di London minggu lalu, kerana tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menggiatkan ekonominya sendiri yang mungkin akan dapat meningkatkan permintaan bagi produk Asia.

Bagaimanapun, pegawai-pegawai Jepun menyatakan kerajaan mereka bukannya berdiam diri berhubung perkara itu dan sedang menyediakan bantuan baru bagi memberi bantuan kewangan kepada ekonomi yang menghadapi masalah. -- BERNAMA

AD ZK MA